

Filem ‘Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan’ Menurut Perspektif Tasawuf

BITARA

Volume 6, Issue 4, 2023: 165-176
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 14 August 2023
Accepted: 24 September 2023
Published: 12 October 2023

[The Film ‘Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan’ From the Sufism Perspective]

Fathin Najwa Md Shukri¹ & Mohd Syukri Zainal Abidin^{1*}

¹ Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur MALAYSIA.
E-mail: fathinnajwashukri@gmail.com; syukri1990@um.edu.my

*Corresponding Author: syukri1990@um.edu.my

Abstrak

Filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* telah menjadi satu fenomena pada tahun 2022 apabila berjaya mendapat hasil kutipan melebihi 97 juta, bahkan ditayangkan di Singapura, Brunei dan Indonesia. Walau bagaimanapun, jika diteliti serta diperhalusi filem ini mengetengahkan pelbagai elemen keagamaan terutamanya aspek kerohanian atau tasawuf. Oleh yang demikian, artikel ini mengetengahkan praktik tasawuf yang dibawakan dalam filem Mat Kilau. Artikel ini menggunakan metode penelitian terhadap kandungan filem dengan melihat setiap adegan dan dialog dipaparkan yang mana mengandungi tema tasawuf. Hasil tinjauan mendapati bahawa filem yang dipilih ini sememangnya sarat dengan unsur kerohanian Islam yang merujuk kepada disiplin ilmu tasawuf. Perkara ini dapat dibuktikan dengan jelas daripada babak lakonan yang dipamerkan serta dialog yang diucapkan dalam filem tersebut. Penulisan ini dijangkakan dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang amalan tasawuf yang diserapkan dalam filem Mat Kilau. Ini secara tidak langsung menjadikan para penonton dapat menghayati mesej yang ingin disampaikan melalui penceritaan filem tersebut di samping mempengaruhi dalam mencorakkan tingkah laku untuk menjadi seorang pahlawan buat diri, keluarga, masyarakat, bangsa, negara dan agama.

Kata kunci: Filem, Mat Kilau, Pahlawan, Tasawuf, Dialog.

Abstract

The film *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* has become a phenomenon in 2022 when it managed to earn more than 97 million and was even shown in Singapore, Brunei and Indonesia. However, if scrutinized and refined, this film highlights various religious elements, especially the spiritual aspect or sufism. Therefore, this article highlights the practice of sufism presented in the film Mat Kilau. This article uses a research method on the content of the film by looking at each scene and dialogue displayed which contains the theme of sufism. The results of the observation found that the selected film is indeed loaded with Islamic spiritual elements that refer to the discipline of sufism. This can be proven from the acting scenes that are exhibited as well as the dialogues spoken in the film. This writing is expected to provide exposure to the community about the concept of sufism incorporated in the film Mat Kilau. This indirectly makes the audience able to appreciate the message that is wanted to be conveyed through the narration of the film in addition to influencing in patterning the behavior to be a hero for oneself, family, society, nation, country and religion

Keywords: Film, Mat Kilau, Hero, Sufism, Dialogue.

Cite This Article:

Fathin Najwa Md Shukri¹ & Mohd Syukri Zainal Abidin. (2023). Filem ‘Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan’ menurut Perspektif Tasawuf [The Film ‘Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan’ from the Sufism Perspective]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 165-176.

Pengenalan

Filem pada umumnya merupakan satu media yang mempunyai pelbagai peranan dan fungsi tersendiri. Menurut Mohd Ghazali (2008), filem yang berperanan sebagai medium sosial serta mengandungi nilai estetika dikatakan mencerminkan masyarakat setempat. Sebagai contoh, filem dapat memainkan penglibatan masyarakat, di samping menawarkan hiburan dan rasa keseronokan kepada penonton. Bukan itu sahaja, filem mampu mendatangkan perubahan kepada masyarakat. Filem yang memaparkan kandungan seperti politik, sejarah dan budaya dapat dimanfaatkan oleh penonton (Rosmawati & Md Rozalafri, 2009; Juliana & Mahyuddin). Rosmawati et al. (2011) filem juga berfungsi sebagai medium dakwah iaitu menyampaikan sesuatu mesej kepada penonton. Dalam hal ini, filem mengandungi pelbagai sumbangan yang bermanfaat terutamanya buat agama.

Meskipun dunia sudah berada pada zaman pasca moden, masyarakat negara yang mempunyai ketinggian semangat patriotik tetap mengambil inisiatif dalam menghasilkan filem berorientasikan perjuangan dan cintakan tanah air dan agama. Filem Mat Kilau yang menjadi satu fenomena baharu membuka mata semua pihak agar tidak melupakan kepentingan agama dan memanfaatkan penggunaan media elektronik dalam usaha menyampaikan sesuatu mesej kepada masyarakat. Filem ini turut meninggalkan pengaruh terhadap generasi muda. Ilmu persilatan, pakaian klasik seperti kebaya dan tanjak, ungkapan bahasa klasik mula menjadi ikutan bagi masyarakat.

Peranan filem dalam menyampaikan input keagamaan dapat dilihat pada filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan*. Filem yang diarahkan oleh Syamsul Yusof dengan terbitan Studio Kembara menyajikan unsur nasihat dan ikatan persaudaraan yang kuat selain membawa mesej dakwah kepada masyarakat. Filem Mat Kilau mula memberi satu nafas baharu dalam dunia perfileman di mana jalan cerita dilihat pada spektrum yang luas oleh penonton berlatarbelakangkan pendidikan pelbagai. Sebahagian penonton memberikan reaksi dari sudut sejarah, pendidikan mahupun keagamaan. Ini secara langsung membuktikan bahawa filem ini memberikan impak kepada rentas disiplin ilmu.

Walau bagaimanapun, satu aspek yang perlu diperhalusi dalam filem Mat Kilau adalah konsep tasawuf. Sejarah membuktikan gerakan dakwah dalam kalangan sufi atau ahli tasawuf memainkan peranan yang penting dalam kemunculan atau kedatangan Islam ke Nusantara. Islam mula diterima baik oleh pelbagai pihak oleh sebab akhlak dan keperibadian yang ditunjukkan oleh para pendakwah Muslim pada ketika itu. Bermula saat tersebut, Islam berjaya menggantikan pengaruh agama Buddha-Hindu yang menjadi anutan bagi majoriti masyarakat. Ahli tasawuf yang bergiat aktif pada zaman tersebut berjaya memperkenalkan dimensi kerohanian Islam atau tasawuf yang tersendiri sehingga dapat mengatasi segala amalan mistik yang diamalkan secara turun-menurun oleh generasi nenek moyang. Gerakan tasawuf turut menjadi kekuatan bagi golongan pejuang yang bangkit dalam menentang penjajahan British di Tanah Melayu. Antara pejuang Muslim setempat yang mempraktikkan ilmu tasawuf adalah

seperti Tok Janggut, Tok Gajah dan Mat Kilau. Kehebatan pejuang ini dicoretkan dalam lipatan sejarah bagi usaha mempertahankan tanah air daripada jajahan kuasa asing (Amnah Saayah et al., 2019).

Oleh yang demikian, penulisan ini dilaksanakan untuk meninjau adegan atau dialog yang mempunyai elemen tasawuf dalam filem Mat Kilau. Ini kerana rata-rata masyarakat masih memerlukan kefahaman atau pengetahuan terhadap konsep tasawuf yang dipaparkan dalam filem tersebut. Tasawuf bukanlah sekadar hanya duduk berzikir tetapi menjadi individu mampu memberi impak positif kepada masyarakat. Malah, ahli tasawuf juga merupakan golongan yang berada di barisan hadapan dalam memperjuangkan dan mempertahankan Islam. Inilah antara faktor yang menjadikan Islam berjaya dibawa masuk ke Asia Tenggara, bahkan ajaran dan amalan tasawuf menyebabkan berlakunya proses Islamisasi di Asia Tenggara.

Elemen Tasawuf dalam Dialog dan Adegan Filem Mat Kilau

Sebagaimana dijelaskan, tidak dinafikan filem merupakan satu platform yang efektif dalam menyampaikan maklumat dengan mudah kepada orang ramai pada masa kini (Naim, 2011). Begitu juga halnya dengan penyebaran input yang mengandungi mesej dakwah. Jika diperhalusi, penulis mendapat terdapat beberapa sumbangan yang terhasil daripada filem yang mempunyai hubungan dengan ilmu tasawuf. Kandungan tasawuf ini perlu diangkat dan diketengahkan kepada masyarakat agar difahami dengan baik, diperaktikkan dalam kehidupan seharian serta dihayati sepenuhnya.

Pembangunan Kekuatan Rohani

Dalam tasawuf kekuatan rohani dititikberatkan. Ia merupakan pendorong kepada kekuatan dan kejayaan fizikal (Safiah, Che Zarrina & Syed Mohammad Hilmi, 2018). Manusia tidak mampu menjadi tonggak kesejahteraan ummah dan keutuhan negara sekiranya pembangunan rohani diabaikan. Aspek pembangunan rohani dapat dilihat pada dialog berikut:



Gambar 1: Minit ke-9:47

“Aturan nafas dan kudrat hendaklah sentiasa selari dan seiring. Zikir kepada Allah itulah pembakar semangat juang kita. Sebolehnya hendaklah kita mendahului masa. Allah berfirman demi masa” – Tok Gajah.

“Baik ayah. Memang kami tak boleh mengubah masa tapi kami akan usaha dan manfaatkan agar menjadi berkat dengan doa dan ilmu. Kami akan memperbaiki segala kelemahan kami. Maha suci Allah dengan kehebatan ciptaan-Nya” – Mat Kilau.

Dialog di atas merupakan babak ketika perjumpaan Tok Gajah bersama anak muridnya. Di sini dapat dilihat terdapat unsur tasawuf pada nasihat yang disampaikan oleh Tok Gajah. Dialog tersebut bertepatan dengan pengamalan kerohanian yang dianjurkan oleh ahli tasawuf iaitu pernafasan dan zikir. Menurut Sharifah Basirah, Che Zarrina & Mohd Manawi (2023) tasawuf mengajar teknik pernafasan yang menghubungkan dengan jiwa manusia. Pernafasan dalam tasawuf dikaitkan dengan menyebut nama SWT disertai dengan menarik dan menghembuskan nafas. Amalan zikir dititikberatkan kerana ia merupakan satu bentuk pendekatan kerohanian dalam usaha mujahadah menentang hawa nafsu dalam diri dan mempertahankan agama. Zikir juga perlu dilakukan pada setiap masa sebagaimana yang dianjurkan dan dijelaskan dalam al-Quran:

لَئِنْ مِنَّا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتَعْزُّزُوا وَتَسْبِحُوهُ وَتَسْبِحُوهُ بَكْرَةً وَأَصِيلًا

Terjemahan: Kami mengutusmu wahai Muhammad) supaya engkau dan umatmu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan supaya kamu kuatkan agama-Nya serta memuliakan-Nya dan supaya kamu beribadat kepada-Nya pada waktu pagi dan petang (al-Fath 48:9).

Dalam surah lain, Allah SWT berfirman:

قَالَ رَبُّ اجْعَلْ لِيْ أَيْةً قَالَ أَيْتَكَ أَلَا تُكَلِّمَ النَّاسَ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ إِلَّا رَمَاءٌ
وَأَذْكُرْ رَبَّكَ كَثِيرًا وَسُبِّحْ بِالْعَشِيِّ وَالْأَبْكَارِ

Terjemahan: Dan ingatlah kepada Tuhanmu (dengan berzikir) banyak-banyak dan bertasbihlah memuji Allah (dengan mengerjakan sembahyang), pada waktu malam dan pada waktu pagi (Ali- Imran ayat 3:41).

Bukan itu sahaja, terdapat juga hadis berkaitan anjuran berzikir dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan diamalkan sebelum waktu tidur dengan bilangan yang ditetapkan iaitu:

عَنْ عَلِيٍّ: أَنَّ فَاطِمَةَ عَلَيْهَا السَّلَامَ شَكَّتْ مَا تَلَقَّى فِي يَدِهَا مِنَ الرَّحْمَى، فَأَتَتِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَسْأَلُهُ خَادِمًا فَلَمْ تَجِدْهُ، فَذَكَرَتْ ذَلِكَ لِعَائِشَةَ، فَلَمَّا جَاءَ أَخْبَرَتْهُ قَالَ: فَجَاءَنَا وَقَدْ أَخْدَنَا مَصَاجِعَنَا فَذَهَبْتُ أَفُوْمُ، فَقَالَ: مَكَانِكَ، فَجَلَسَ بَيْنَاهُ حَتَّى وَجَدْتُ بَرْ قَدْمِيهِ عَلَى صَدْرِي، فَقَالَ: أَلَا أَدْلُكُكَمَا عَلَى مَا هُوَ خَيْرٌ لَكُمَا مِنْ خَادِمٍ؟ إِذَا أُوْتِيْمَا إِلَى فِرَاشِكُمَا أَوْ أَخْدَتُمَا مَصَاجِعَكُمَا، فَكَبَرَا ثَلَاثَةً وَثَلَاثِينَ، وَسَبَحَا ثَلَاثَةً وَثَلَاثِينَ، وَاحْمَدَا ثَلَاثَةً وَثَلَاثِينَ، فَهَذَا خَيْرٌ لَكُمَا مِنْ خَادِمٍ وَعَنْ شُعْبَةِ، عَنْ خَالِدٍ، عَنْ أَبْنِ سِيرِينَ، قَالَ: التَّسْبِيحُ أَرْبَعٌ وَثَلَاثُونَ.

Terjemahan: Daripada ‘Ali, bahawa Fatimah mengadu kepada suaminya, Sayidina ‘Ali bin Abu Ṭalib RA tentang tangannya yang berasa sakit dan keletihan kerana terlalu banyak kerja rumah yang perlu dilakukan. Sayidatina Fatimah kemudian datang menemui ayahandanya baginda Rasulullah SAW untuk meminta seorang pembantu. Tetapi dia tidak berjaya menemui Rasulullah SAW dan hanya bertemu Sayidatina Aisyah RA. Kemudian Sayidatina Fatimah meninggalkan permintaannya kepada Sayidatina Aisyah untuk disampaikan kepada Rasulullah SAW. Apabila Rasulullah SAW tiba di rumah, Sayidatina Aisyah pun memberitahu Baginda tentang permintaan puterinya. Lalu Baginda telah pergi menemui puteri serta menantunya yang ketika itu telah berbaring di tempat tidur. Keduanya mahu berganjak bangun dan ingin menghampiri Baginda akan tetapi Rasulullah meminta mereka tetap di tempat perbaringan. Kemudian Baginda bersabda: "Mahukah kamu berdua aku ajarkan sesuatu yang lebih baik daripada apa yang kamu berdua minta? Ketika kalian berbaring hendak tidur, maka bacalah takbir (Allahu Akbar) 34 kali, tasbih (Subhanallah) 33 kali dan tahmid (Alhamdulillah) 33 kali. Sesungguhnya yang demikian itu lebih baik bagi kalian daripada seorang pembantu (Riwayat Muslim)

Selain daripada dialog di atas terdapat juga petikan yang dilakonkan mengaitkan lafaz zikir:



Gambar 2: Minit ke-1:01:04

“**أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُ الْقَيُومُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ**” Mat Kilau - “

Dialog di atas diungkapkan ketika Wahid menyaksikan sendiri keadaan isterinya Kiah yang sedang sarat mengandung ditikam serta dipijak perutnya dengan kejam oleh orang suruhan British. Mat Kilau yang berada di tempat kejadian bertindak menenangkan Wahid dengan membisikkan lafaz istighfar di telinganya. Istighfar yang dituntut tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai permintaan agar setiap dosa yang dilakukan diampuni oleh Allah SWT, bahkan ia menunjukkan suatu permohonan agar mendapat perlindungan daripada bahaya (Tasmin, 2013). Dalam kalangan para Nabi Allah SWT, istighfar yang dilakukan berperanan dalam meningkatkan martabat mereka ke kedudukan yang lebih terpuji di sisi Allah SWT (Harun, 1992). Menurut Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari (t. th.), zikir yang sesuai diajar kepada kebanyakan murid pada tahap permulaan ialah istighfar.

Terdapat ayat al-Qur'an berhubung tuntutan terhadap istighfar, antaranya:


وَأَنِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُمْتَعَكُمْ مَّتَاعًا حَسَنًا إِلَى أَجَلٍ مُّسَمٍّ وَيُؤْتَ كُلُّ ذِي فَضْلٍ فَضْلُهُ وَإِنْ
تَولُوا فَإِنَّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابًا يَوْمَ كَبِيرٍ

Terjemahan: Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu (dari perbuatan syirik), kemudian hendaklah kamu rujuk kembali taat kepadaNya; supaya Ia memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang tertentu, dan (di akhirat pula) Ia akan memberi kepada tiap-tiap seorang yang mempunyai kelebihan (dalam sebarang amal yang soleh) akan pahala kelebihannya itu; dan jika kamu berpaling (membelakangkan tiga perkara itu), maka sesungguhnya aku bimbang kamu akan beroleh azab hari kiamat yang besar (huru-haranya) (Hud 11:3)

Antara kelebihan orang yang mengamalkan istighfar ialah diampunkan dosa, dipermudahkan rezeki, dihindari kesusahan dan kesempitan serta dijamin menjadi golongan ahli syurga. Zikir digalakkan dibaca pada setiap pagi dan petang, namun yang lebih baik adalah pada waktu malam (Rusydi & Haliza, 2011). Al-Quran menyatakan perihal penyakit dan ubat. Para ulama bersepakat menyatakan bahawa penyakit paling berat adalah dosa, manakala ubat yang diperlukan untuk menyembuhkannya ialah istighfar. Demikianlah betapa besarnya kesan istighfar dalam kehidupan.

Pembinaan Jati Diri

Tasawuf mendidik pengawalan nafsu keduniaan, angan yang sia-sia. Tasawuf menuntut pengamalnya untuk berjuang menghadapi penjajahan fizikal maupun rohani. Mujahadah dalam konteks tasawuf demi mendapatkan keamanan, kebebasan dan meraih keredaan Allah SWT. Seseorang yang berjaya menghayati elemen kerohanian yang disusun dalam ilmu tasawuf akan berjaya membentuk jati diri dengan cemerlang (Abdul Hafiz, Zakaria & Ahmad Munawar, 2012). Elemen pembinaan jati diri dalam filem Mat Kilau dapat dikenal pasti pada adegan berikut:



Gambar 3: Minit ke-9:25

“Apa yang kita bimbangkan sudah mula berlaku. Membiarkan penjajah bermaharaja lela. Ibarat membenarkan musuh menebuk satu-persatu dinding rumah kita. Sehingga hilanglah jati diri adab dan agama. maka bangkit dan

bersepakat mempertahankan tanah air menjadi wajib kepada kita yang mengaku beriman” - Dato Raja Haji Muhamad

Mempertahankan tanah air bermakna sanggup berkorban demi kemerdekaan dan kegemilangan masyarakat. Rasa cinta kepada bangsa dan negara, bangga dengan identiti perlu ada sebagai kekuatan untuk menjadi insan yang lebih baik. Orang yang peduli akan tanah air akan sentiasa cakna terhadap keselamatan tempat tinggal dan kampung halamannya. Masyarakat yang mempunyai semangat patriotisme berpaksikan Islam akan sanggup untuk mengorbankan harta atau apa sahaja yang berharga buat dirinya. Mempertahankan tanah air daripada segala ancaman dari dalam dan luar sehingga mengorbankan nyawa sendiri menunjukkan kekukuhkan jati diri yang dibina. Selain daripada dialog di atas, terdapat juga skrip lain yang mempunyai elemen yang sama. Dialog tersebut adalah seperti:



Gambar 4: Minit ke-1:05:25

“Ingatlah Kembali, matlamat perjuangan kamu semua demi agama, demi bangsa. Seorang pejuang Islam mestilah ikhlas niatnya dan benar jalan perjuangan yang dipilihnya” – Tok Gajah

Keikhlasan menurut Hamka adalah bersih dan tiada campuran. Di sini dapat dilihat bahawa definisi yang dibawa oleh Hamka menurut Muhammad Ainun (2018) menepati konsep tasawuf iaitu ikhlas dalam beramal. Ikhlas dalam tasawuf bukan sahaja melakukan sesuatu kerana Allah SWT, bahkan lebih daripada itu iaitu membersihkan hati semata-mata kerana Allah SWT dalam melaksanakan ibadat sehingga tidak niat, maksud dan tujuan lain.

Filem Mat Kilau menayangkan ayat al-Quran surah al-A’raf ayat 128 yang menyeru semua umat Islam untuk bertakwa.

“Sesungguhnya bumi (ini) milik Allah; diwariskan kepada siapa yang dikehendaki dari hamba-hamba-Nya. Dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.”
(Surah Al-A’raf 128)

Gambar 5: Minit ke-1:53:54

Konsep takwa ialah patuh terhadap segala perintah Allah SWT serta menjauhi segala perkara yang dimurkai-Nya. Individu bertakwa kepada Allah SWT merupakan seorang yang menghayati kehidupan beragama dalam mencari erti kehidupan sebenar. Allah SWT memerintahkan hamba-Nya yang beriman agar sentiasa bertakwa, menjiwai ilmu dan iman dalam setiap tindakan dan amalan yang mencakupi seluruh dimensi kehidupan hingga wujud ketenangan dalam diri. Perintah ini sering disebutkan dalam al-Quran antaranya firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الْمُلْكِينَ إِذَا آتَيْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ مَا آتَيْتُمْ لَا تَمُوتْنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam! (Surah Ali Imran 3:102).

Melalui ayat di atas, Allah SWT memberi jaminan kebahagiaan di dunia dan di akhirat bagi manusia yang sentiasa bertakwa. Jelas sekali perintah dalam ayat al-Quran tersebut mengandungi kebaikan yang Allah SWT kurniakan kepada orang yang bertakwa, beriman dan sentiasa beramal soleh. Amalan takwa dalam mempraktikkan kehidupan beragama dapat menghalang diri dari penyelewengan terhadap agama, melahirkan keimanan, kepatuhan serta membentuk peribadi dan sahsiah yang direndai oleh Allah SWT yang akan memberi kesan positif dalam kehidupan manusia.

Pembikinan filem haruslah tidak hanya atas dasar komersial semata-mata. Tetapi ia perlu diabadikan atas jalan yang direndai Allah SWT dengan bersumberkan ilham daripada wahyu Ilahi iaitu dari Quran dan Hadis. Di bawah ini terdapat beberapa unsur pengajaran dari filem Mat Kilau Kebangkitan Pahlawan yang boleh dihubung kaitkan dengan elemen tasawuf.

Menjauhi Sifat Khianat



Gambar 7: Minit ke-1:29:51

Daripada filem menunjukkan bahawa sikap khianat terhadap perjuangan dan menjadi tali barut sentiasa ada pada bila-bila masa dan dalam mana-mana bangsa, tanpa mengira pangkat dan warna kulit. Amanah menurut Sahlawati et al. (2017) merupakan satu tanggungjawab yang diberikan dengan tidak mengambil kesempatan menggunakan pengaruh dan kuasa yang ada. Sebagai seorang Muslim yang mempunyai nilai kerohanian tinggi, perlu memiliki sifat malu. Ini kerana menurut Nurzatil Ismah et al. (2017), manusia yang beramanah mempunyai sifat malu dan tidak pecah amanah yang diberikan kepadanya. Dalam tasawuf, perbuatan keji dan

mungkar seperti khianat adalah sikap golongan yang memiliki nafsu *ammarah* iaitu jiwa pada tingkat paling rendah.

Memiliki Sifat Sabar



Gambar 8: Minit ke-1:31:48

Melalui filem ini, pengajaran yang boleh diambil ialah sikap suami isteri yang saling memahami dan memberi dorongan mampu membina keluarga yang utuh. Setiap pasangan hendaklah sentiasa bersabar serta bijak mengawal emosi dalam menghadapi konflik atau ujian di samping berakhhlak terutama dalam memelihara tutur kata supaya perhubungan yang terjalin menjadi sebahagian daripada resipi kerukunan rumah tangga. Sikap ini selaras dengan ungkapan Ibn Qayyim (1961) yang mana sabar menuntut diri supaya menahan lidah daripada mengeluh dan berkata perkataan yang sia-sia. Al-Makki pula memperincikan sabar dalam memelihara keluarga dengan mengurus dan menjaga ahli keluarga daripada terpesong ke arah keburukan.

Selain itu, aspek kesabaran perlulah juga perlu dipupuk dalam menghadapi tentangan daripada musuh yang hadir pelbagai cara. Kesabaran dalam berjihad boleh diambil iktibar melalui kisah Rasulullah SAW dan rasul terdahulu dalam menyampaikan dakwah kepada umat manusia. Ujian yang dihadapi oleh para rasul merupakan ujian yang paling berat berbanding dengan ujian dihadapi pada zaman ini. Salah satu tanda kemanisan iman adalah melalui kesabaran seorang Muslim menghadapi ujian dalam kehidupan sebagaimana semangat jihad yang dizahirkan pada sahabat Rasulullah SAW seawal dakwah Baginda. Antaranya ialah Bilal bin Rabah, ‘Ammar bin Yasir dan keluarganya yang diseksa secara fizikal sehingga membawa kematian akibat mempertahankan keimanan. al-Ghazali (1990) meletakkan kesabaran dengan penderitaan dan kesulitan pada tahap tertinggi. Ini kerana seseorang Muslim terpaksa menghadapinya tanpa mempunyai pilihan untuk menolaknya.

Kesimpulan

Kesimpulannya, filem Mat Kilau yang dipilih ini sememangnya sarat dengan unsur Islam yang memfokuskan elemen tasawuf. Ilmu tasawuf merupakan salah satu daripada cabang ilmu utama yang membahaskan hal ehwal berkaitan akhlak dan budi pekerti. Kepadatan elemen tasawuf dapat dilihat dengan jelas menerusi dialog dan adegan yang dipaparkan. Oleh yang demikian, penghasilan filem ini menyumbang kepada penghayatan tasawuf yang diterapkan dalam diri pejuang silam seperti Mat Kilau. Tuntasnya, masyarakat Muslim hari ini wajar mengambil

pengajaran terhadap kandungan yang diketengahkan sebagai pedoman untuk menjadi insan yang terbaik buat diri, keluarga, masyarakat, negara dan agama.

Rujukan

- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. 2012. Memperkasakan jati diri Melayu-Muslim menerusi pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak. *Jurnal Hadhari*, 23-35.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1990. *Ihya 'ulum al-din*. Damsyik: Dar al-Khayr.
- Al-Makki, Abu Talib. 1997. *Qut al-qulub*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Amnah Saayah Ismail, Jessica Ong Hai Liaw, Khairunnisa Mardzuki, Wong Wai Loong, Haliza Mohd Zahari, Burhanuddin Jalal & Wan Kamal Mujani. 2019. Kepimpinan ulama dalam peristiwa pemberontakan Pahang (1891-1895): Peranan Tuan Haji Uthman bin Senik. *Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*, 2(2): 60-76.
- Harun Nasution. 1992. *Ensiklopedi Islam Indonesia*, cet ke-1. Jakarta: Djambatan.
- Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari. t.th. *Allah, al-qasd al-mujarrad fi ma'rifah al-ism al-mufrad*. Kaherah: Dar al-Jawami' al-Kalim.
- Ibn Qayyim. 1961. *Ighathah al-lahfan min masayid al-shaytan*. Juz. 1. Tahqiq Muhammad Sayyid Kailani. T.tp: Syarikah Kutub wa Matbaah Mustafa al-Bab al-Halab wa Auladuhu.
- Mohd Ghazali Abdullah. 2008. Pemikiran melayu dalam filem Malaysia abad ke-21. *Jurnal Melayu*, 3: 179-218.
- Muhammad Ainun Najib. 2018. Epistemologi tasawuf modern Hamka. *Dinamika Penelitian: Media Komunikasi Penelitian Sosial Keagamaan*, 18(2): 303-324.
- Naim Ahmad. 2011. *Filem Islam Satu Pembicaraan*. Shah Alam: Uni-N Production Sdn. Bhd.
- Nurzatil Ismah Azizan, Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Aza Shahnaz Azman, Mazlina Che Malik & Hairoli Nizam Wahid. 2017. Konsep amanah menurut perspektif hadith. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*. Hlmn. 330-336.
- Rosmawati Mohamad Rasit & Md Rozalafri Johori. 2009. Cabaran penerapan dakwah di dalam filem melayu di Malaysia: Analisis kandungan filem Semerah Padi. *Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam 2009 (Mist '09) USIM*. Hlm. 1-15.
- Rosmawati Mohamad Rasit, Mohd Salleh Hassan, Mohd Nizam Osman & Muhamad Sham Shahkat Ali. 2011. Film as a medium of communication for da'wah: Analysis of religious elements in selected Malay films. *Islamiyyat*, 33: 67-76.
- Rusydi Ramli al-Jauhari & Haliza Aris. 2011. *Wirid cinta kepada Allah: Amalan dan kelebihan*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.
- Safiah Abd Razak, Che Zarrina Sa'ari & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. 2018. Relevansi tasawuf dan pembangunan rohani insan: Satu sorotan awal. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(4): 71-84.

- Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Nurzatil Ismah Azizan, Aza Shahnaz Azman & Mazlina Che Malik. 2017. Elemen takwa, ibadah dan akhlak dalam sifat amanah menurut al-Quran dan al-Sunnah. *Proceeding of International Seminar on Tarbiyah*. Hlmn.
- Sharifah Basirah Syed Muhsin, Che Zarrina Sa'ari & Mohd Manawi Mohd Akib. 2023. Sufi breathing as a relaxation technique for stress management control. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(5): 1323-1331.
- Tasmin Tangngareng. 2013. *Menyelam ke semesta zikir menyingkap makna dan pesannya dalam dadis nabi SAW*. Makassar: Alauddin University Press.